

**TALKING POINTS**  
**MINGGU KEBAJIKAN UTeMKU SAYANG, MENJUARAI KHIDMAT**  
**INSANI**  
**18 OKTOBER 2024, PUSAT PERSATUAN PELAJAR**

**SALUTASI**

1. **YBhg. Prof. Madya Datuk Dr. Sabri Mohamad Sharif**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
2. **Pegawai-Pegawai HEPA**
3. **Saudara Muhammad Haikal bin Johari**  
Yang Dipertua Jawatankuasa Sementara Majlis Perwakilan Pelajar  
2024
4. **Siswa siswi Universiti Teknikal Malaysia Melaka.**

**POINTS**

1. UTeM menerusi Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni julung kalinya pada tahun ini menganjurkan **Minggu Kebajikan UTeMku Sayang, Menjuarai Khidmat Insani pada tahun ini.**
2. Minggu Kebajikan ini dianjurkan bagi **menyokong dan membantu pelajar UTeM khususnya mereka yang berasal dari keluarga berpendapatan rendah.** Sebagai makluman semua, berdasarkan data yang diperolehi oleh pihak HEPA, lebih daripada 61% daripada demografi pelajar UTeM berada dalam kategori B40.
3. **Bantuan dalam bentuk sumbangan zakat, pembiayaan pendidikan, baucar** dapat meringankan beban kewangan harian para pelajar seterusnya membolehkan para pelajar fokus dalam pengajian selain dapat menyokong kesejahteraan mental dan emosi mereka.
4. Selain fokus akademik, pelajar juga dapat **pendedahan tentang tanggungjawab sosial, kepentingan kebajikan, dan peranan mereka dalam membantu orang lain yang amat memerlukan.** Ini

memberi pengalaman pembelajaran yang lebih holistik , sifat penyayang dan keprihatinan yang lebih holistik.

5. Minggu Kebajikan UTeMku Sayang, Menjuarai Khidmat Insani bermula hari ini sehingga **25 Oktober 2024 – Jumaat depan.**
6. Sepanjang minggu ini pelbagai program berunsur kebajikan telah dirancang yang memberi manfaat dan kebaikan kepada mahasiswa/i UTeM sendiri.
7. Antara program yang dilaksanakan sepanjang minggu ini adalah:
  - a. Serahan sumbangan zakat dari Bank Muamalat dan agihan food bank
  - b. Lebih menarik, potongan 50% daripada pengusaha kafeteria pada hari ini.
  - c. Jualan siswa madani pada 23 Oktober 2024
  - d. Program derma pakaian bermula 21 hingga 26 Oktober 2024
  - e. Cuci kereta dengan caj yang jauh lebih murah berbanding caj yang dikenakan di luar,
  - f. Mental awareness program dan pelbagai lagi.
8. Justeru, saya menyeru semua mahasiswa/i **mengambil peluang ini dengan mendapatkan pelbagai tawaran perkhidmatan dengan harga yang menarik di samping menyertai/mengambil bahagian dalam program-program yang dianjurkan** sepanjang Minggu Kebajikan UTeMku Sayang, Menjuarai Khidmat Insani.
9. Harapan; diharapkan usaha dan inisiatif berterusan dari pihak universiti ini **dapat mengurangkan bebanan siswa UTeM, memastikan siswa/i UTeM dapat memberikan fokus sepanjang pengajian**, sekali gus merealisasikan hasrat Pelan Strategik UTeM menerusi Teras Strategik 3: Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan.
10. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Minggu Kebajikan UTeMku Sayang, Menjuarai Khidmat Insani.